



P1 sasar 500,000 pelanggan 4G

PACKET One Networks (Malaysia) Sdn Bhd (P1) menasarkan jumlah pelanggan perkhidmatan 4Gnya akan melepasi paras 500,000 tahun ini berikutan usaha berterusannya meluaskan liputan rangkaianannya.

Ketua Eksekutifnya, Michael Lai, berkata tahun ini bakal menjadi tahun pelancaran liputan besar-besaran bagi P1 berikutan sambutan yang memberangsangkan terhadap perkhidmatan 4G P1.

"2012 bakal menjadi tahun bersejarah bagi P1. Kami telah meraih asas pelanggan yang kukuh dan semakin meningkat dengan lebih 356,000 pengguna di Malaysia pada suku ketiga 2011," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Lai berkata, tahun lalu, syarikat itu memperluaskan liputannya dengan pesat, melalui pertambahan lebih 650 tapak liputan kepada 1,500 tapak semuanya.

"Ini bermakna kami kini meliputi 50 peratus penduduk," katanya.

Kata beliau, sasaran syarikat itu ialah menambah liputan bagi meliputi 65 peratus kawasan di Semenanjung Malaysia.

Setakat ini P1 telah membelanjakan kira-kira RM700 juta sebagai modal bagi pelancaran perkhidmatan 4Gnya.